

**Hubungan Masyarakat Dengan Remaja Dalam Novel Remaja *Janji Kepada Inah*  
Karya Norsiah Gapar**

*Society Relationships With Adolescents in The Teenagers Novel of Janji Kepada Inah  
by Norsiah Gapar*

*Nur Aqilah Amanina Binti Haji Rahim<sup>1</sup>*  
*amanina2930@gmail.com*

*Maslin Bin Haji Jukim/Jukim<sup>2</sup>*  
*maslin.jukim@gmail.com*

*<sup>1,2</sup> Universiti Brunei Darussalam,  
Brunei Darussalam.*

**ABSTRAK**

Remaja bermasalah seringkali dikatakan berpunca daripada keluarga. Keluarga sering menjadi tempat kesalahan dilontarkan. Walhal masyarakat pada hakikatnya terlepas pandang tentang psikologi remaja yang menjadi tunjak utama kepada lahirnya remaja yang bermasalah seperti memberontak dan pelarian. Dalam novel *Janji Kepada Inah* karya Hajah Norsiah Haji Abdul Gapar, remaja berhadapan dengan konflik kehidupan dan konflik dengan diri sendiri dibimbing oleh beberapa watak masyarakat. Justeru, penyelidikan akan mengaplikasi teori Psikoanalisis Freud bagi meneliti perkembangan psikologi watak remaja dan teori sosiologi Rene Wellek dan Austin Warren bagi menganalisis aspek kemasyarakatan yang terdapat dalam novel *Janji Kepada Inah*. Hasil penyelidikan membuktikan bahawa isu berkenaan remaja tidak hanya terletak kepada keluarga sebagai punca utama sebaliknya menegaskan kepentingan tanggungjawab dan peranan masyarakat dalam sama-sama membentuk remaja dan psikologi remaja.

Kata Kunci: Remaja, remaja bermasalah, psikologi remaja, psikoanalisis, sosiologi, pembentukan diri remaja.

Received: 10 April 2022; Published: 13 June 2022

Cite this article (APA) as:

Rahim, N. A. A., & Jukim/Jukim, M. (2022). Hubungan Masyarakat Dengan Remaja Dalam Novel Remaja Janji Kepada Inah Karya Norsiah Gapar. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(1), 28 - 43. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/159>

**ABSTRACT**

*The root of adolescent problem is often presumes to begin from family. Family are often blamed for such issue. When in reality, the society who neglected the adolescent psychology are the main factor that leads to the arising problems among adolescence such as revolt and refugee. In Janji Kepada Inah's novel written by Hajah Norsiah*

*Haji Abdul Gapar, adolescent who are dealing with the conflict of life and self-conflict are being guided by various character of the society. Thus, this research will apply the Psychoanalysis theory by Freud to elaborate the psychological development of adolescent character and sociology theory of Rene Wellek as well as Austin Warren to evaluate societal aspects that can be found in Janji Kepada Inah's novel. The finding of the research has succeeded to prove that the root cause on the issues concerning adolescent does not only lie within the family as the main cause, but it also emphasized the importance of the responsibility and role of the society in working together to shape the adolescent and adolescent psychology.*

*Keywords: adolescent, adolescent problem, adolescent psychology, psychoanalysis, sociology, shaping adolescents.*

## **PENGENALAN**

Karya sastera mengandungi cerminan kehidupan masyarakat di dalam dunia realiti. Ia tercipta daripada luahan emosi pengarang yang dihasilkan dengan gabungan daya imaginasi pengarang yang disampaikan pemikirannya dalam bentuk penulisan. Dalam menghasilkan sesebuah karya sastera, pengarang menyelami penulisannya dengan memasukkan aspek kejiwaan kepada watak agar pemikiran pengarang dapat dihayati oleh penikmat melalui perasaan dan emosi. Terdapat berbagai-bagai watak yang berbeza usia ditampilkan oleh pengarang untuk memerankan watak dalam karya sastera, salah satunya watak remaja yang bermasalah. Remaja sering digambarkan sebagai watak yang dikaitkan dengan isu sosial. Golongan ini sering berhadapan dengan kepadatan tekanan dan konflik disebabkan faktor baka,<sup>1</sup> persekitaran dan budaya masyarakat dan ini setentunya memprovokasi minda, emosi, jasmani malah turut menggoncangkan keimanan mereka (*Pelita Brunei*<sup>2</sup>, 2019). Namun pada dasarnya sastera remaja menurut Ani Omar (2015) merupakan antara bahan bacaan yang mampu membangunkan minda remaja sesuai dengan usia mereka yang perlu diberi kebebasan tetap dalam keadaan terbimbing. Justeru, pengarang peka tentang konflik dan pergolakan jiwa remaja ini, lantas diajukan ke dalam karya sastera. Hal ini turut diutarakan oleh seorang penulis wanita tempatan iaitu Hajah Norsiah Haji Abdul Gapar<sup>3</sup> melalui novel remajanya berjudul *Janji Kepada Inah* (2007). Beliau mengambil berat tentang perkembangan masa depan kehidupan golongan remaja.

---

<sup>1</sup> Pengertian Baka menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* ialah keluarga (yang menurunkan) atau keturunan (ayah dll).

<sup>2</sup> *Pelita Brunei* adalah akhbar rasmi kerajaan Brunei Darussalam dan diterbitkan buat pertama kali pada 15 Februari 1956. *Pelita Brunei* diluaskan lagi dengan sistem e-*Pelita* dan berita semasa kini boleh diakses setiap hari menerusi e-*Pelita* tersebut.

<sup>3</sup> Hajah Norsiah binti Abdul Gapar ataupun Norsiah Gapar merupakan penulis wanita yang terkenal di Negara Brunei Darussalam dengan Novel Pengabdian dan Novel Misyar yang mengangkat wanita dan perempuan sebagai watak utama. Beliau pernah menjadi penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara tahun 2009 dan Hadiah Sastera MASTERA pada 2016. Mula aktif dalam bidang penulisan pada 1970 selepas bertugas sebagai anggota dan ketua pengarang majalah tahunan Maktab Anthony Abell. Bidang penulisan yang diterokai ialah novel, cerpen dan drama.

## MASALAH KAJIAN

Isu utama dalam novel *Janji Kepada Inah* (2007) berhubungkait dengan remaja. Remaja yang berhadapan dengan pergolakan jiwa berpunca dari keluarga. Dalam hal ini, ketidakpercayaan remaja terhadap keluarga timbul. Di sebaliknya, persekitaran remaja pula menjadi sandaran membentuk kehidupannya. Senario ini memperlihatkan persekitaran memainkan peranan penting dalam membimbing watak remaja melalui tingkat perkembangan jiwa agar memiliki akhlak, disiplin dan ajaran agama. Persekitaran yang dimaksudkan ialah masyarakat sekelilingnya terutama yang mendekatinya. Dalam novel ini memperlihatkan tentang betapa pentingnya peranan masyarakat terhadap pembentukan sahsiah remaja melalui watak. Penceritaan novel *Janji Kepada Inah* (2007) seolah-olah memperlihatkan masyarakatnya yang menjadikan punca pergolakan jiwa remaja dan menimbulkan konflik dalam keluarga. Dalam erti kata lain, kajian melihat novel ini sebagai sesuatu yang positif. Keluarga bukanlah punca kepada menjadikan remaja bermasalah secara total tetapi kajian ini menekankan keluarga dan masyarakat memainkan peranan penting dalam membantu watak remaja membentuk sahsiah mereka. Ini dianggap sebagai satu kelainan novel remaja. Kathleen M. White dan Joseph C. Speisman (1977) berpendapat,

masyarakat perlu memberi ruang kepada remaja untuk membangun identiti yang positif dan perlu ada rasa menghormati anak muda agar mereka ini tidak merasakan bahawa persekitaran menyekat peluang mereka.

Ini bermakna perkembangan remaja tidak hanya terbatas kepada psikologi mereka tetapi juga kepada keterbukaan dan ketulusan masyarakat. Dalam konteks novel ini dapat memperjelas tumpuan terhadap persekitarannya iaitu masyarakat seperti teman karib, rakan sekerja, doktor, guru, ketua kampung dan sebagainya. Hajah Norsiah Haji Abdul Gapar memberi gambaran tentang tindakan positif mereka terhadap remaja. Sehubungan dengan itu, kajian ini berusaha untuk membuka minda masyarakat terhadap perkembangan psikologi remaja dan masyarakat perlu mengambil serius perihal remaja di alam nyata.

Sebagai mengukuhkan pernyataan tentang masyarakat memainkan peranan penting terhadap pembentukan sahsiah remaja maka kajian ini akan mengenali remaja terlebih dahulu agar dapat mengutarakan aspek masyarakat yang terdapat dalam Novel *Janji Kepada Inah* (2007). Kajian ini cuba memperlihatkan bahawa kompleksiti yang dihadapi remaja melalui tekanan dan konflik pada zaman peralihan yang dilalui berkait rapat dengan psikologi alami manusia. Dengan adanya kejiwaan pada watak remaja dalam novel *Janji Kepada Inah* (2007), digunakan teori psikoanalisis untuk menjelaskan sejauh mana pengarang melalui watak-watak dalam karyanya mampu menyampaikan pemikirannya terutama kepentingan masyarakat.

## **METOD ANALISIS**

Kajian merupakan sebuah kajian berbentuk kualitatif menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Menurut A. Halim Ali (2019) kaedah kepustakaan lazimnya menggunakan sumber data yang sedia ada seperti dokumen bercetak, teks, buku, jurnal dan lain-lain. Sumber utama kajian ini adalah teks novel remaja berjudul *Janji Kepada Inah* (2007) karya Norsiah Gapar terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darulssalam. Analisis kandungan teks novel ini mengaplikasikan dua pendekatan; pendekatan psikoanalisis digunakan untuk memahami psikologi dan kejiwaan remaja. Pendekatan sosiologi pula digunakan bagi merungkai aspek kemasyarakatan, peranan dan tanggungjawab watak-watak yang berdamping dengan remaja.

## **Teori Psikoanalisis**

Teori psikoanalisis merupakan sebuah pemikiran yang diasaskan oleh Sigmund Freud dan mendapat gelaran sebagai Bapa Psikoanalisis. Menurut Freud (1983), psikoanalisis merupakan suatu kaedah bagi memahami dan menyembuhkan atau membantu mengurangkan pesakit yang menderita gangguan jiwa<sup>4</sup>. Bagi memahami lebih lanjut tentang teori ini, Freud menanggapi setiap diri manusia sememangnya secara psikologi mempunyai naluri yang hadir secara sedar dan bawah sedar disebut sebagai *ego* dan *id*.

*Ego* dan *id* berbeza dari segi tugas dan peranannya. *Ego* berpegang pada realiti dan seringkali mencuba sedaya upaya untuk menghindarkan berlakunya bencana. Dalam kata lain, *Ego* mengawal keinginan dan rangsangan *id* dengan membataskan kepada cara yang bersesuaian dengan realiti (Freud, 1983:88). *id* pula adalah naluri semula jadi yang hadir bawah sedar manusia dan ia menginginkan keperluannya dipenuhi untuk mencapai kepuasan. Desakan inginkan kepuasan yakni kesenangan ini adalah prinsip utama *id*. Ini menimbulkan semacam tekanan sehinggakan kepuasan itu perlu dicapai oleh *ego* dengan pelbagai cara yang terbatas maka wujudlah istilah *ego* bagi merepresi tekanan daripada *id*. Apabila *ego* seseorang tidak dapat mengawal baik *id* dan *id* membalas dendam maka neurosa terjadi akibat daripada konflik antara *ego* dan *id* (Freud,1983:90). Menurut Freud (1983), apabila memperkatakan tentang psikoanalisis, manusia juga mempunyai satu lagi psikologi alami dikenali sebagai *superego*. *Superego* berkait rapat dengan *id* dan bertempat di hadapan *ego*. Ia berperanan sebagai pembimbing *ego* dalam membantu mengurangkan tekanan daripada *id* berpandukan moral.

Dalam konteks sastera pula, psikoanalisis merupakan sebuah pendekatan untuk memahami kejiwaan pengarang melalui karya yang dihasilkan di bawah sedar pengarang atau watak-watak dalam karyanya. Ini bermakna, psikologi berupaya untuk meneliti karya sastera sebagai kegiatan kejiwaan melalui teori Freud yang membahagikan tiga sifat semula jadi individu yang terdiri daripada tiga sistem kesedaran iaitu alam sedar, alam prasedar dan alam bawah sedar (Angela Richard, 1974).

Justeru, kajian ini menganalisis psikologi remaja melalui penelitian terhadap jiwa watak remaja iaitu watak utama dalam novel *Janji Kepada Inah*

---

<sup>4</sup> Disebut sebagai neurosa.

berdasarkan prinsip *id, ego* dan *superego*. Pendekatan ini digunakan untuk mengungkap dan memahami psikologi remaja. Ia bertujuan untuk memperlihatkan kepada masyarakat akan pentingnya pengetahuan terhadap psikologi remaja.

### **Pendekatan Sosiologi**

Seterusnya ialah pendekatan sosiologi secara ringkas memfokuskan kepada aspek kemasyarakatan. Ia melihat kepada kepentingan an individu memikul tanggungjawab mereka selaku masyarakat yang bernilai (Abdul Halim Ali, 2006). Kajian ini mengaplikasikan pendekatan sosiologi yang diasaskan oleh Rene Wellek dan Austin Warren (1988) yang mengkategorikan sosiologi kepada tiga sudut penilaian iaitu pengarang selaku sebahagian daripada masyarakat yang diam dan hidup di dalam suasana bermasyarakat ketika menghasilkan karya mereka, sastera sebagai ciptaan sosial yang membicarakan soal kemasyarakatan di dalam karya sastera itu sendiri dan sastera yang memusatkan kepada khalayak pembaca yakni masyarakat.

Untuk kajian ini, pengaplikasian pendekatan sosiologi Wellek dan Warren (1988) hanya memfokuskan kepada mengkaji perihal sosiologi dalam novel *Janji Kepada Inah*. Tumpuan penelitian aspek sosiologi ini meninjau kepada soal yang tersirat dan motif ia diujarkan dalam karya sastera. Pendekatan ini menilai aspek kemasyarakatan yang terdapat dalam novel dari sudut watak dan perwatakan masyarakat, latar belakang, serta peranan mereka terhadap pembentukan sahsiah remaja.

Memandangkan psikologi remaja dan masyarakat saling berhubungkait maka pengkaji menggunakan dua pendekatan ini iaitu psikoanalisis dan sosiologi. Psikologi remaja dapat difahami sedikit sebanyak dengan penggunaan *id, ego* dan *superego* pada watak utama. Dengan menggunakan psikoanalisis maka perubahan psikologi dan akhlak diri remaja dapat dilihat sebelum dan setelah mereka berdamping dengan masyarakat dalam novel *Janji Kepada Inah*. Dengan adanya pemahaman terhadap remaja dan kondisi mental mereka maka ia memberi ruang kepada pengkaji bagi merungkai signifikan masyarakat dalam sama-sama membina peribadi remaja ke arah pembaikan.

### **ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

Sehingga kini isu remaja masih menjadi sebutan terutama di dalam media massa. Ini amat membimbangkan kerana remaja merupakan aset dan masa depan negara. Oleh yang demikian, remaja yang bermasalah ini perlu dibimbing dan dibentuk akhlaknya ke arah kebaikan. Menurut Siti Redzaimi (2022), isu sosial itu berasosiasi dengan komuniti dan ia adalah tanggungjawab semua pihak untuk membantu menangani isu tersebut.

Selaku anggota yang hidup dalam bermasyarakat, keperluan untuk memahami diri remaja sememangnya adalah harus agar dapat membantu golongan ini ke arah pembaikan. Selain ibu bapa, masyarakat juga mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam usaha membantu remaja menemui penyelesaian yang baik. Di dalam novel *Janji Kepada Inah* (2007) karya Hajah Norsiah Haji Abdul Gapar menggambarkan penglibatan watak-watak masyarakat yang memainkan tanggungjawab mereka dalam membimbing

remaja yang berhadapan dengan pergolakan jiwa. Novel ini telah menunjukkan alam kehidupan dari sudut kaca mata remaja bermasalah berkembang seiring dengan penglibatan daripada masyarakat selain daripada keluarga remaja itu sendiri. Antara aspek masyarakat yang bertugas memikul tanggungjawab adalah mereka yang berkisar dan hidup di sekitar remaja tersebut.

## **Remaja Dan Psikologi**

Istilah remaja merupakan suatu proses peralihan menurut masa daripada alam kanak-kanak kepada alam dewasa. Remaja dalam bahasa Latinnya *adolescere* bermaksud tumbuh menuju sebuah kematangan (Mayasari, Febriyanti & Inggit Primadevi, 2021). Menurut World Health Organisation (2018), remaja tergolong dalam usia diantara 10 hingga 19 tahun. Secara dasarnya, setiap individu tidak terkecuali daripada mengalami sendiri proses ke alam dewasa dan pada peringkat usia remaja, terdapat pelbagai fenomena akan turut berubah sejajar dengan masa peralihan tersebut. Fenomena yang disebut ini termasuklah fizikal, rohani, psikologi; pemikiran kejiwaan dan emosi mahupun sosialiasi remaja.

Masa remaja sering diperkatakan sebagai waktu yang kompleks kerana pada peringkat ini mereka mengalami pergolakan jiwa dan kepadatan tekanan. Remaja yang memegang peranan watak utama dalam novel *Janji Kepada Inah* (2007) ini berumur 17 tahun yang enggan melanjutkan pendidikan menuntut sebagai pelajar sekolah menengah. Terdapat beberapa ciri sifat dan peribadi remaja dikenalpasti di dalam novel ini, antaranya memberontak, inginkan kebebasan, pelarian dan kekeliruan. Ciri-ciri inilah yang akan menjadi tumpuan kajian dalam usaha memahami perkembangan psikologi remaja menerusi pendekatan psikoanalisis terhadap watak utama dalam novel *Janji Kepada Inah* (2007).

## **Pemberontakan**

Pemberontakan lazimnya terjadi pada fasa remaja. Ini terhasil kerana pada fasa ini, hormon golongan remaja mengalami perubahan mengakibatkan emosi yang tidak stabil (Yudrik Jahja, 2011:235). Pemberontakan di masa remaja merupakan salah satu cara untuk mereka mencari kebebasan bagi menentukan hak dan nasib diri (Maznah Ismail, 1987:31). Pemberontakan dari segi tindak agresif dan bersikap melawan merupakan antara ciri semasa remaja dan ia berkait rapat dengan pendekatan psikoanalisis oleh Freud. Psikoanalisis merupakan salah satu teori psikologi yang berupaya untuk menjelaskan dan mentaksir perkembangan manusia. Freud beranggapan bahawa perilaku dan proses pemikiran manusia terhadap konflik dikawal sama ada secara sedar atau bawah sedar.

Konsep Freud iaitu *id* dan *ego* dapat dilihat dalam novel *Janji Kepada Inah* ketika watak utama iaitu Din berada di dapur milik adik ibunya. Pada bab 2, plot diawali dengan perkelahian antara Din dengan mak ciknya kerana dia dituduh mencuri gambar mak ciknya itu. Pada ketika itu, dia berdiam diri sekejap selepas bertekak dengan mak cik Sanah yang masih lagi memukulnya dengan batang penyapu. Remaja itu terperangkap di sudut pintu dapur yang berkunci. Pada peringkat ini, peranan *id* yang mementingkan prinsip kesenangan dan sentiasa berusaha menghindari kesusahan dapat dilihat pada perbualan berikut:

“Mengapa kausenyum? Kauhina aku ya? Anak tidak tahu diuntung! Aku pungut kau dari tanah dan ini balasanmu. Kamu dan bapa kamu sama saja. Tidak berguna langsung!”

Apabila mendengar Sanah mula mengungkit hal bapanya, kemarahan Din mula marak seperti rumput kering yang disirami minyak tanah lalu dicampakkan sebatang mancis.

*(Janji Kepada Inah, 2007: 14)*

Berdasarkan petikan di atas, Din hanya mengejek mak ciknya di dalam hati namun Sanah memarahinya dan memperkatakan hal yang buruk mengenai bapa Din. Pernyataan “kemarahan Din mula marak seperti rumput kering yang disirami minyak tanah lalu dicampakkan sebatang mancis” menggambarkan lemparan kata-kata yang tidak disenangi oleh *id*. Ayah Din telah menghilangkan diri daripada Din dan keluarganya sejak dia berusia 8 tahun. Ayahnya hilang tanpa sebarang khabar berita. Din amat menyayangi ayahnya yang suatu ketika dahulu selalu menemaninya pergi dan pulang dari sekolah. Namun pada memori Din kali terakhir sebelum ayahnya menghilangkan diri, ayahnya bertengkar dengan ibunya ketika dia hendak pergi ke sekolah. Oleh sebab itu Din amat membenci ibunya dan menyalahkan ibunya atas kehilangan ayahnya.

Pada fasa ini, *ego* pula muncul hasil daripada dorongan *id* bagi menghilangkan perasaan tidak selesa itu. Kata-kata Sanah mengundang ketidakselesaan pada Din sehingga situasi Din pada awalnya mentertawakan Sanah menerbitkan kemarahan remaja itu. *ego* bertindak kerana tekanan *id* untuk mengurangkan perasaan tidak selesa. Din mula memberontak mak ciknya kerana Sanah memburukkan ayahnya seperti petikan berikut:

Dia merebut penyapu dari tangan Sanah. Mereka bergelut. Din menolak Sanah dengan kuat.

*(Janji Kepada Inah, 2007: 15)*

Daripada pernyataan di atas, jelas bahawa *id* menyebabkan *ego* untuk bertindak demi mengenenipkan rasa tidak selesa tersebut. Naluri remaja pada diri Din turut menjadi faktor dia memberontak dan melawan Sanah.

Apabila melihat kepala Sanah terhantuk ke dinding dan tersungkur, Din terus merebut kunci dapur daripada saku baju Sanah dan berlari melompat ke tanah sebaik sahaja berjaya membuka pintu tersebut. Ibu dan adik Din yang baharu sahaja datang daripada kebun terkejut melihat situasi tersebut dan Sanah menyalahkan kakaknya kerana membesarkan anak kurang ajar seperti Din. melihat Din melarikan diri, adiknya yang cacat kaki iaitu Duan sedaya upaya menenangkan ibunya. Berbeza dengan Duan, tindakan Din melarikan diri tanpa menghiraukan ibunya pada asasnya merupakan tindakbalas *ego* untuk memenuhi desakan *id* dan mengurangkan tekanan tersebut. Walau bagaimanapun, tindakan Din tersebut tidak sesuai dengan *superego*<sup>5</sup>. Dia sepatutnya menghormati ibunya seperti yang dilakukan oleh Duan kerana itulah yang wajar dilakukan oleh seorang anak kepada orang tuanya.

---

<sup>5</sup> Menurut Yudrik Jahja (2011:84), *Superego* berfungsi untuk mengawal *Ego* dengan berpegang pada nilai, moral dan norma kehidupan realiti.

Perbuatan Din bertentangan dengan norma kehidupan dalam berkeluarga dan melanggar batas *superego*. Penerapan pendekatan psikoanalisis terhadap watak remaja ini memperlihatkan sikap remaja yang berhadapan dengan fasa pemberontakan berjalan sesuai dengan sistem psikologi *id*, *ego* dan *superego* milik Freud. Pendekatan psikoanalisis mampu memberi pemahaman terhadap pemberontakan berlaku bukanlah berpunca daripada keluarga semata-mata. Dari pendekatan ini jelas memperlihatkan tindak tanduk psikologi alami manusia menjadi punca utama kepada memburukkan lagi remaja yang berada dalam fasa memberontak seperti yang terjadi pada watak Din. Dari kajian ini membuktikan perbuatan memberontak merupakan antara salah satu ciri yang terdapat pada golongan remaja.

### **Inginkan Kebebasan & Pelarian**

Watak utama iaitu Din sebagai remaja dalam novel *Janji Kepada Inah* menginginkan kebebasan. Kebebasan daripada dikawal orang tua dan kebebasan dalam membuat keputusan sendiri. Menurut Yudrik Jahja (2011:236), remaja memerlukan kebebasan untuk menyuarakan pendapat diri sendiri. Mereka sentiasa mempunyai rasa ingin mencuba sesuatu yang baharu dan baginya menarik. Walau bagaimanapun, mereka tidak mampu untuk mengharungi tentangan di sebalik kebebasan tersebut kerana kurangnya pendedahan dan kemampuan dalam bersosialisasi (Ani 'Afifah, 2020: 16).

Dalam novel *Janji Kepada Inah*, Din telah membuat satu keputusan yang bakal mengubah jalan hidupnya tanpa dia tahu. Pada bab 5, Din memilih untuk lari dari rumah. Pada bab sebelumnya, Din dan Duan pergi ke rumah sahabat karib Din iaitu Inah. Din dan Inah sebenarnya menaruh hati secara senyap pada satu dengan yang lain. Lengan Din luka dan bengkak akibat bergaduh dengan mak ciknya, Sanah. Pagi Ahad itu, Inah risau akan kondisi Din sehinggakan terjadinya ketegangan kerana leteran Inah menegur Din mengenai keputusan Din berhenti sekolah. Fikiran Din bertambah kusut dan berserabut memikirkan nasibnya. Ini merupakan *id* yang wujud selaku naluri semulajadi manusia sememangnya menitikberatkan soal kesenangan menyebabkan perasaan tertekan menyelubungi.

Pada detik ini, *ego* bertindak untuk menghilangkan tekanan *id* yang menginginkan kenikmatan dan mengelak ketidakelesaian. Dapat dilihat Din mengeluarkan pernyataan bagi melepaskan tekanannya melalui petikan di bawah:

“Din fikir mahu pergi jauh dari sini.” Tiba-tiba Din bersuara. Inah dan Duan serentak memandangi Din, untuk pastikan Din hanya bergurau. Tetapi muka Din betul-betul serius. Din duduk menyandar di kerusi dan kedua-dua tangannya memeluk tubuhnya yang kurus manggalah itu.

(*Janji Kepada Inah*, 2007: 34)

Melalui perbualan di atas jelas bahawa Din menginginkan kebebasan dalam membuat keputusannya sendiri seolah itu adalah keputusan yang muktamad. Naluri seorang remaja yang membuat keputusan melulu tanpa memikirkan akibatnya. Selepas menuturkan kata-kata tersebut, Din tidak

mengendahkan teguran lembut daripada Inah malahan dia terus berdiri, mengucapkan terima kasih lalu beredar meninggalkan Inah seorang diri.

Din lalu menghantar Duan ke rumah ibu dan mak ciknya dan terus pergi ke jalan besar Pekan B menaiki bas. Tindakan Din ini bertentangan dengan kehendak *superego*. Din tidak memberitahu adiknya dan tidak meminta izin ibunya maka perbuatannya ini umpama melarikan diri daripada rumah. Setentunya perbuatan Din ini melanggar kesesuaian *superego* semata-mata untuk *ego* memenuhi dorongan bagi menghilangkan tekanan daripada *id* dengan melanggar norma kehidupan dalam berkeluarga. Lazimnya, anggapan remaja melarikan diri daripada rumah bermakna melarikan diri daripada masalah dan tanggungjawab bagi mencapai kebebasan yang diinginkannya.

Tiba di Pekan B, Din mula memikirkan banyak hal; tentang berhenti sekolah, tentang Sanah yang pendendam, tentang Inah dan leterannya dan satu-satu adik lelaki yang dikasihi. Walau bagaimanapun, perasaan Din untuk mencapai kebebasan terlihat apabila Din berasa perlu membuat sesuatu bagi meneruskan kehidupannya. Di situlah dia terserempak dengan Mr. Wong iaitu ketua yang bekerja sebagai pemotong kayu balak di hulu. Tanpa mengendahkan teguran Inah tadi tentang Din masih di bawah umur untuk bekerja, Din mula berbohong kepada Mr.Wong agar diambil bekerja di hulu. Di sisi lain, perbuatan menipu ini juga tidak sesuai dengan kehendak *superego* kerana *ego* memenuhi keperluan *id* yang lebih menginginkan kesenangan. Oleh sebabtiada hala tuju akibat melarikan diri dari rumah, Remaja ini sanggup menipu agar mempunyai tempat berlindung dan meneruskan hidup.

## **Kekeliruan**

Ida Umami (2019:4) menyatakan bahawa remaja yang berhadapan dengan jangkamasa peralihan peringkat kanak-kanak ke peringkat kedewasaan akan berasa keliru dalam menyasakan diri mereka dengan kehidupan yang baharu yakni alam dewasa. Remaja memerlukan masa bagi menyesuaikan diri mereka dengan keadaan dan pengalaman baharu. Yudrik Jahja (2011:235) golongan ini bakal menemui lebih banyak perkara baharu dalam menempuhi perkembangan menuju kematangan.

Hal ini dapat dilihat dalam novel *Janji Kepada Inah* (2007) pada bab 10 yang mengisahkan tentang Din yang telahpun terlantar di hospital. Pada bab sebelumnya, Din telah pulang secara senyap menggunakan kereta milik tuannya menuju ke kampung untuk berjumpa dengan Duan dan Inah setelah 3 bulan melarikan diri dan bekerja sebagai pemotong kayu balak di hulu. Oleh kerana remaja ini belum memiliki lesen kenderaan yang sah, ajakannya membawa Inah dan Duan pada awalnya ditolak. Namun Inah bersetuju untuk pergi ke pekan bagi meluangkan masa dengan kawan lelakinya. Malangnya, dalam perjalanan ke pekan, ketiga-tiga watak terlibat dalam kemalangan di satu selekoh.

Setelah seminggu terlantar di hospital, Din tersedar dan gambaran ngeri itu datang kembali. Dia melihat Duan tersadai kaku di sisinya dan Inah pula hilang entah ke mana. Dua orang asing berdiri di sisi katilnya tercegat dan menanti kata-kata daripada remaja itu. Dengan perlahan dia membuka mulut dan menanyakan dia di mana. Dengan lembut doktor lelaki itu memberitahu Din baharu sahaja kemalangan dan kini dirawat di hospital. Din mulai gusar, dalam hati dia bertanya-tanya dan berharap bayangan ngeri itu hanyalah mimpi.

Daripada situasi tersebut, *id* mula berperanan untuk menghilangkan rasa tidak selesa kerana memang pada dasarnya *id* hanya berpegang pada prinsip kesenangan. Remaja ini mula menolak bayangan ngeri tersebut namun tidak berjaya. Lantas dengan suara yang lemah, Din cemas dan keliru. Dia cuba untuk bergerak dan mulai bertanya tentang Inah dan Duan kepada doktor tersebut namun tiada sebarang jawapan malah dia disuruh untuk bertenang. Pada fasa ini, perbuatan Din mencuba untuk melepaskan diri dan bergerak merupakan tindak balas *ego* kepada *id* dalam usaha untuk menghilangkan rasa ketidakselesaian.

“Aku tahu mereka sudah tidak ada. Mereka sudah mati! Aku juga mahu mati!!!” Din meraung sekuat-kuat hatinya. Din meraung sekuat-kuat hatinya. Dia meronta dan cuba menarik wayar-wayar mesin di sisinya. Tangannya yang lemah menghempas-hempas tilam katil.

*(Janji Kepada Inah, 2007: 72)*

Melalui petikan di atas, perbuatan Din tidak terkawal kerana kekeliruan yang bermain di kepalanya tentang kondisi dua orang insan yang paling disayangi membuat fikirannya bercelaru. Pada ketika inilah naluri seorang remaja tercabar sehingga kekeliruan yang menggagunya menyebabkan remaja ini berputus-asa dan tidak ingin meneruskan kehidupan. Perbuatan dan kalimat yang terkeluar daripada Din bukan sahaja memperlihatkan kekeliruan minda seorang remaja. Ia juga merupakan psikologi alami manusia terhasil akibat *id* mendesak *ego* untuk memenuhi keinginannya membuang perasaan tidak selesa sehinggakan tindakan yang dilakukan bertentangan dengan *superego*. Daripada petikan tersebut, pengarang menggambarkan kehidupan seorang remaja yang kehilangan arah dan tujuan hidup. Pada fasa remaja, golongan ini berhadapan dengan pelbagai konflik dan memerlukan waktu yang lama kerana mereka keliru untuk menerima sesuatu perkara yang baginya asing dan baharu.

### **Masyarakat Dan peranan/Pengaruhnya Terhadap Remaja**

Masyarakat secara umum bermaksud orang yang hidup dalam satu kelompok (A.Amin Jamaluddin, 2011). Dalam novel *Janji Kepada Inah* (2007), pengarang Hajah Norsiah Haji Abdul Gapar telah memasukkan beberapa tokoh yang terdiri daripada masyarakat dan memperlihatkan adanya kehadiran mereka telah membawa perubahan yang baik ke dalam hidup si remaja. Nanda Rizkia, Yohanes Bahari dan Wanto Rivaie (2016) menyatakan bahawa kewujudan tokoh masyarakat yang hidup bersama dalam sebuah lingkungan remaja adalah tunggak utama adanya rasa tanggungjawab sebagai komuniti untuk membimbing golongan remaja, baik secara teguran mahupun memberi inspirasi. Oleh kerana perkembangan psikologi di fasa remaja tidak terlepas dari menghadapi konflik dan pergolakan jiwa, pengarang meletakkan masyarakat sebagai pihak yang memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri dan psikologi golongan remaja.

Setelah mengenalpasti ciri-ciri yang ada pada remaja menerusi pendekatan psikoanalisis pada bab 2.1 tentunya telah memberi kefahaman mengenai psikologi remaja. Justeru, kajian ini seterusnya akan menganalisis aspek kemasyarakatan dengan membahagikan pihak yang berperanan penting

serta pengaruh dan penglibatan mereka terhadap remaja dalam novel *Janji Kepada Inah* (2007). sesuai dengan objektif kajian. Aspek kemasyarakatan dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga aspek, iaitu rakan sekerja, doktor dan sahabat karib. Kewujudan ketiga-tiga masyarakat berlainan pihak ini hadir ke dalam hidup remaja Din satu demi satu dan menunjukkan perubahan yang positif pada remaja ini. Perubahan ini seterusnya disingkap menerusi pendekatan psikoanalisis dengan memfokuskan kepada pemikiran, perbualan dan tindakan Din setelah dipertemukan dengan ketiga-tiga watak masyarakat tersebut.

### **Rakan Sekerja**

Setelah melarikan diri daripada rumah, Din bekerja dengan Mr. Wong iaitu seorang ketua pemotong kayu balak di hulu. Selama 3 bulan, bermacam-macam pengalaman baharu telah diperolehinya walaupun pada asalnya amat sukar untuknya menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baharu. Selama berada di hulu, mandi perlu mencari sungai, tidur pula penuh 6 orang dalam 1 khemah dan tidak selesa kerana bau hangit peluh akibat memotong kayu di bawah matahari yang terik. Din mulai teringat akan ibunya yang sentiasa bangun pagi dan menyediakan segala keperluan yang diperlukan walaupun hidup serba kekurangan. Namun, perasaan Din diketepikan dan ia berazam untuk bekerja dan menyimpan gajinya untuk kegunaan masa hadapan.

Selama bekerja, Din tidak pernah kesepian kerana dia didampingi oleh Mr. Wong dan mereka akrab seperti sahabat sehingga kedua-duanya saling bersefahaman antara satu sama lain. Mr. Wong sering mengajak Din ke khemahnya selepas habis waktu bekerja dan membelikannya pelbagai barang keperluan seperti makanan dalam tin dan barang mandian. Selain itu, Mr. Wong selalu berkongsi kisah hidup dan pengalamannya dengan Din termasuk perihal keluarga dan persekolahan anaknya di luar negara. Malahan, teguran dan nasihat ketuanya itu diterima baik oleh Din walaupun ia berkenaan dengan persekolahan dan ilmu pelajaran.

Sebelumnya, Din digambarkan sebagai seorang remaja yang suka melawan kata dan memberontak. Tetapi sejak berteman dengan Mr. Wong, Din tidak pernah bersikap kasar dan melawannya. Din menjadi seorang remaja yang berfikiran terbuka. Ini dapat dilihat pada bab 7 iaitu Din berasa kagum setiap kali berbual dengan Mr. Wong. Din pernah menanyakan cara Mr. Wong menguasai bahasa Melayu fasih seperti orang Melayu bertutur. Lantas ketuanya itu menjawab bahawa dia hidup dalam masyarakat yang berbilang kaum dan dalam negara yang mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Jawapannya itu membuatkan Din tersentak.

Din terlopong mendengar jawapan Mr. Wong itu. Ingatannya melayang jauh ke zaman sekolahnya. Kepada sesetengah guru yang suka sangat bercakap orang putih tetapi bahasa Melayu lintang-pukang. Din rasa malu dengan diri sendiri.

*(Janji Kepada Inah, 2007: 50)*

Daripada petikan tersebut jelas menunjukkan bahawa Din tidak berasa marah apabila memorinya kembali mengingat ke zaman persekolahan. Malahan,

perasaan tidak puas hatinya selaku *id* terhadap sesetengah guru Melayu yang tidak fasih berbahasa Inggeris diredakan dengan memikirkan isu tersebut secara rasional. Perasaan tidak selesa yang timbul daripada *id* dapat dikawal oleh Din sesuai dengan prinsip *superego* yang berpegang kepada adab dan didikan moral hasil daripada membiasakan dirinya berdamping dengan orang yang lebih dewasa seperti Mr. Wong. Din mampu untuk menjaga adab dan percakapannya sepanjang 3 bulan bekerja dengan Mr. Wong malahan fikirannya juga matang kerana mampu berdikari berbeza dengan dirinya ketika hidup di kampung bersama ibu dan adiknya.

### **Doktor**

Beberapa bulan bekerja dengan Mr. Wong, Din membuat keputusan untuk pulang ke kampungnya. Din mencuri kereta Mr. Wong dan pergi menemui adiknya, Duan dan sahabatnya Inah. Oleh sebab gajinya sudah banyak kerana disimpan selama 3 bulan bekerja hasil memotong kayu balak di hulu, Din ingin membelanjakan gajinya bersama Duan dan Inah di Pekan. Malangnya, mereka bertiga terlibat dalam kemalangan yang mengakibatkan Din terpaksa dirawat di rumah sakit, Inah koma dan adiknya meninggal dunia. Malahan Din dibuang oleh ibunya sendiri kerana menyebabkan adiknya tiada.

Selama Din berada di hospital, dia dijaga oleh Haiqal iaitu seorang doktor pakar bedah di hospital tempat Din dirawat. Nama Din ditulis sebagai “Remaja Bermasalah” pada fail catatan kesihatannya. Haiqal seorang berpendidikan dan berpegang kuat pada agama Islam. Dari kecil, Haiqal dibesarkan ibunya dengan ilmu agama. Haiqal mula risau akan pesakitnya, Din lebih-lebih lagi selepas mendapat tahu remaja itu dibuang oleh satu-satunya ahli keluarga yang dipunyainya. Risau dengan kondisi Din yang hanya berdiam diri seperti mayat hidup di atas katil hospital, Haiqal memutuskan untuk mengambil Din sebagai adik angkat dan membawanya pulang ke rumah Haiqal tidak jauh daripada hospital itu berada.

Hampir sebulan tinggal di rumah Haiqal, suatu pertanyaan mulai bermain-main di fikirannya sehingga pertanyaannya itu disuarakan kepada Haiqal. Din berputus-asa dalam kehidupan kerana telah kehilangan adik dan sahabatnya, Inah. Lantas bertanya pada Haiqal.

“UNTUK APA sebenarnya kita dilahirkan ke dunia ini? Apa sebenarnya erti sebuah kehidupan jika akhirnya hanyalah sebuah kemusnahan? Kematian?”.

*(Janji Kepada Inah, 2007: 81)*

Daripada petikan di atas jelas menunjukkan bahawa Din masih keliru dalam mencari identitinya sendiri membuatkan Haiqal berasa remaja ini perlu lebih bimbingan daripadanya dan Mak Cah serta Pak Musa iaitu pembantu rumah Haiqal. Walau bagaimanapun, Haiqal tetap tenang dan menjawab Din dengan lembut. Haiqal telah memberitahu Din bahawa kehidupan dunia hanyalah sementara dan kematian adalah kesudahan daripada dunia sementara ini. Dia juga tahu Din tiada didikan agama Islam. Dia berusaha mengenalkan kepada Din tentang Islam dan kewajipan selaku orang Islam untuk menunaikan sembahyang fardhu lima waktu dan menyembah tuhan sekalian alam. Haiqal

menamatkan perbualannya dengan menegaskan bahawa di dunia mereka perlu menyediakan bekalan untuk akhirat sebelum menempuh kematian. Demikian kata-kata Haiqal telah membuatnya kagum sehingga membangunkan Din daripada fikirannya yang bercelaru. Pagi itu Din menangis bersendirian di dalam biliknya menyesali segala sikap kasarnya kepada Haiqal, Mak Cah dan Pak Musa yang menyayanginya dan sabar melayan karenahnya selama sebulan berada di rumah mereka.

Pada petang itu, Din menunggu kepulangan Haiqal kerana ingin berbual dengannya di bilik belajar doktor itu. Kata-kata daripada Haiqal pagi tadi membuatkan Din terharu dan pada masa yang sama fikirannya juga agak sedikit terganggu. Apabila Haiqal datang daripada kerja, Din mula segan pada awalnya namun dengan dorongan daripada Haiqal, Din memberanikan diri memanggilnya sebagai abang dan berterima kasih kerana sentiasa membantunya tanpa jemu walaupun sikap Din padanya kasar sebelumnya.

“Din sudah mengambil keputusan!” kata Din tiba-tiba.

Haiqal memandang dan menunggu.

“Din mahu mengenal Allah di rumah ini dengan bimbingan abang dan Pak Musa. Untuk beberapa bulan yang akan datang ini Din mahu belajar mengaji, sembahyang, dan ibadat-ibadat lain yang tercicir selama ini. Din sudah bertanya kepada Pak Musa tadi. Dia tak keberatan untuk membimbing Din sepenuh masa. Bolehkah abang izinkan?”

*(Janji Kepada Inah, 2007: 92)*

Tindakan Din ingin menemui Haiqal kerana fikiran dan emosi remaja Din yang bercampur-baur antara rasa terharu dan terganggu merupakan *id* yang menekannya untuk segera membuang perasaan tidak selesa itu. Perasaan tidak selesa itu mampu dikawal oleh *superego* kerana di dalam diri Din mula adanya sedikit pengetahuan tentang adab dan agama. Dia juga pertama kali memanggil Haiqal dengan gelaran “abang” menunjukkan adanya sikap hormat dan sopan seperti kebiasaan orang Melayu digalakkan untuk menggelar “abang” kepada lelaki yang lebih tua daripada diri remaja. Petikan di atas telah menunjukkan bermulanya kehidupan Din yang baharu kerana dia telah mengenal erti sebuah kehidupan yang hakiki. Justeru, Din mengambil suatu keputusan yang matang yang mampu membantunya mencari kewujudannya semula dan merubahnya dengan adanya bimbingan daripada abangnya iaitu Haiqal.

### **Sahabat Karib**

Semenjak kemalangan itu terjadi, Inah koma dan apabila sedar dia telah menjadi seorang remaja yang cacat kerana menghidap paraplegia iaitu lumpuh pada bahagian kakinya. Inah merupakan sahabat karib Din yang cantik, pintar dan rajin belajar. Inah merupakan anak kepada ketua kampung di kampung Din dan sememangnya telah dididik oleh ayahnya dengan didikan Islam. Kedua-dua remaja ini bertemu lagi setelah berpisah selama 5 bulan. Kepulangan Din ditemani abangnya, Haiqal ke kampungnya adalah untuk meminta maaf kepada ibunya dan pada sahabat karib yang dicintainya. Sungguhpun perbualan antara Inah dan Din pada awalnya agak tegang kerana Inah berasa malu dan hatinya

berkecamuk kerana dia bukan Inah yang dulu sedangkan Din pula sekarang semakin tampan walaupun ada bekas parut di dahinya. Namun pada akhirnya, Inah mengatakan bahawa dia sudah lama memaafkan Din dan menganggap segala yang terjadi adalah ketentuan Ilahi. Inah percaya bahawa ada hikmah di sebalik pengorbanan Duan dan Inah.

Pertemuannya dengan Inah telah membawa satu lagi perubahan pada hidup Din kerana mereka telah membuat satu perjanjian. Inah mahu Din berjanji untuk menjadi seorang yang rajin menuntut ilmu dan menjadi insan yang terbaik di sisi Allah. Din lebih banyak berdiam diri dalam perjalanannya pulang ke bandar dan berperang dengan perasaannya. Dia mengambil keputusan untuk menyambung pendidikannya sesuai dengan keinginan Inah.

Rasanya hasrat Inah itu setinggi Gunung Everest di Himalaya. Namun demi Inah dan Duan dia akan lakukan. Kalau tinggi di awan biru pun dia akan cuba menggapainya. Demi mereka. Dan pastinya dengan keredaan Allah.

Rasanya petang itu dia sudah sampai ke garis penamat masa lalu yang tidak pasti dan sarat kekeliruan. Perjalanan pulang ini sebagai satu titik permulaan kepada sebuah kewujudan yang hakiki.

*(Janji Kepada Inah, 2007: 121)*

Dari petikan di atas memperlihatkan Din yang sedang berperang dengan perasaannya merupakan *id*. Ini kerana hasrat Inah itu amat mencabar baginya namun pandangan itu segera dibendunginya dengan fikiran yang positif. Ini merupakan tindak balas *superego* kerana berjaya mengawal tekanan *id* yang dialami Din dengan hasrat yang mulia iaitu untuk mengingati pengorbanan Inah dan Duan dan untuk mencapai keredhaan Allah. Kewujudan yang hakiki pula bermaksud mengejar ukhrawi dan cinta Allah.

Kehadiran ketiga-tiga watak masyarakat iaitu Mr.Wong selaku rakan sekerja, Haiqal selaku seorang doktor yang juga mengangkat Din sebagai adiknya dan Inah selaku sahabat karib yang dicintainya seiring dengan beberapa konflik besar yang menimpa Din telah mengubah dirinya. Di awal cerita, Din digambarkan sebagai watak remaja bermasalah sering memberontak dan melarikan diri telah berubah sedikit demi sedikit setelah bertemu dengan ketiga-tiga watak masyarakat yang masing-masing dengan latar belakang dan peranan mereka tersendiri. Daripada petikan-petikan berupa keterangan, tindakan, pikiran mahupun dialog yang dituturkan oleh Din dengan jelas Din pada awalnya menyampaikan keinginannya dengan cara yang bertentangan dengan *superego*. Pada pertengahan dan hujung cerita, pola fikir, adab, tindakan dan perkataan daripada Din ketara perubahannya kerana apabila dia mula menyesuaikan dirinya dengan masyarakat yang bertanggungjawab. Buktinya segala tindakan mula disesuaikan oleh Din sendiri dengan berdasarkan kepada prinsip *Superego*. Ini bermakna apabila *Superego* mulai ketara dalam diri si remaja maka ini menunjukkan adanya ketiga-tiga watak masyarakat secara tidak langsung berjaya memberi perubahan yang positif terhadap diri remaja yang bermasalah kepada seorang remaja yang berkelakuan baik, berfikiran positif dan beradab.

## RUMUSAN

Melalui penelitian terhadap novel *Janji Kepada Inah* (2007), remaja bermasalah bukanlah berpunca daripada keluarga secara total tetapi psikologi remaja yang menjadi tunjang utama dalam perkembangan golongan remaja. Remaja pada fasa ini secara psikologinya dilihat sebagai satu zaman yang penuh konflik. Terdapat beberapa ciri remaja yang dikenalpasti sepanjang penelitian dijalankan iaitu adanya sikap memberontak, menginginkan kebebasan dalam membuat keputusan sendiri, pelarian dan kekeliruan. Sikap-sikap ini bukan hanya digambarkan melalui perbualan tetapi juga dari perbuatan dan pemikiran mereka. Seiring dengan naluri alami manusia yang berdepan dengan konflik dalaman iaitu *id*, *ego* dan *superego*. Melalui kajian yang dilakukan terhadap watak utama iaitu golongan remaja dalam novel *Janji Kepada Inah* (2007), adanya penglibatan masyarakat telah memberikan kontribusi yang besar dalam perkembangan psikologi watak utama. Perubahan pada remaja tersebut dapat dilihat melalui perbualan, tindakan dan pemikiran si remaja sebelum dan selepas ditemukan dengan watak masyarakat. Masyarakat yang dekat dengan remaja seperti sahabat dan rakan sekerja serta keluarga angkat telah berjaya membuat perubahan yang positif terhadap diri remaja.

Kajian ini telah merungkai aspek-aspek yang mempengaruhi watak remaja iaitu aspek kemasyarakatan yang memainkan peranan dan tanggungjawab terhadap golongan remaja yang hilang kepercayaan terhadap keluarga. Ada kalanya sikap masyarakat yang sudah terhakis nilai “sikap ambil tahu” membawa kepada kemusnahan nilai kekeluargaan dalam kehidupan sehari-hari (Ruziwati Bt. Abu Samah, 2019:195). Remaja memerlukan bimbingan daripada masyarakat yang tinggal selingkungan dengannya. Oleh kerana pada fasa ini mereka berhadapan dengan pergolakan jiwa dan fikirannya yang bercelaru, masyarakat perlu mengambil peduli perihal remaja tersebut. Dalam proses perkembangan remaja, komunikasi antara masyarakat dan remaja amat penting bagi mencabar kemampuan mereka sama ada menyesuaikan diri dengan lingkungan mahupun mensesuaikan diri mereka menuju kematangan.

## RUJUKAN

- A. Amin Jamaluddin. (2011). “Cerpen “Kecoh””: Satu Pendekatan Sosiologi” dlm.*Bahana*, Bil.348, Jil.46.
- A.Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*. Klang: MZ Edu Publications.
- Abdul Samad Banin. (2019). *Novel-Novel Terpilih Muslim Burmat: Satu Kajian Psikoanalisis*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali. (2006). *Ikhtisar Teori & Kritikan Sastera: Barat dan Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Profesional Baharu.
- Abu Samah, R. (2019). Gaya Keibubapaan Dalam Novel Komsas Sukar Membawa Buah Dan Merenang Gelora Berdasarkan Analisis Teksdealisme . *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 192 - 216. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/33D>
- k. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad. (2020). *Masalah Sosial Perlu Komitmen Semua Pihak. Pelita Brunei*. Diakses pada 28hb Januari 2022 melalui

- <http://kkbs.gov.bn/Lists/News/NDispForm.aspx?ID=860&ContentTypeId=0x0100ECC89185A7F5E74A8CA7B999A4454ABE>
- Ani 'Afifah binti Musa, (2020). "Penanganan Konflik Remaja di dalam novel *Di Ambang Kehidupan* Karya Hajah Masti Haji Ahmad." Latihan Penyelidikan, Bandar Seri Begawan: Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam.
- Faizah Mat Isa, Rozmi Ismail & Norizan Hassan. (2018). "peranan Sokongan Sosial terhadap Kemurungan dalam Kalangan Remaja Penagih Dadah". Dlm. *Jurnal Psikologi Manusia*. Vol.32, No.3. Oktober 2016. Dipetik dari <https://spaj.ukm.my/ppppm/jpm/article/view/415/342>
- Faizah Noer Laela. (2017). *Bimbingan Konseling Keluarga dan Remaja Edisi Revisi*. Surabaya: UIN Sunan Ampel Press.
- Hajah Norsiah Haji Abd Gapar. (2007). *Janji Kepada Inah*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ida Umami. (2019). *Psikologi Remaja*. Yogyakarta: IDEA Press.
- Kathleen M. White dan Joseph C. Speisman. 1977. *Remaja*. Terjemahan oleh Maznah Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mayasari, Febriyanti dan Inggit Primadevi (2021). *Kesehatan Reproduksi Wanita di Sepanjang Daur Kehidupan*. Banda Aceh: Syiah Kuala University Press. Dipetik pada 8 September 2021 daripada: [https://books.google.com.bn/books?hl=en&lr=&id=K00iEAAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA25&dq=definisi+remaja&ots=VFomxJe5Yf&sig=sZ\\_00c93Ko9s0ZCouAdfZyl3kNU&redir\\_esc=y#v=onepage&q=definisi%20remaja&f=false](https://books.google.com.bn/books?hl=en&lr=&id=K00iEAAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA25&dq=definisi+remaja&ots=VFomxJe5Yf&sig=sZ_00c93Ko9s0ZCouAdfZyl3kNU&redir_esc=y#v=onepage&q=definisi%20remaja&f=false)
- Nanda Rizkia, Yohanes Bahari & Wanto Rivaie. (2016). "peranan Tokoh Masyarakat Dalam Pembentukan Kepribadian Remaja Di Desa Penyeladi Kecamatan Kapuas Kabupaten Sanggau." *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa (Online)*. Vol.5. No.3. hlm.2. Dipetik pada 8 September 2021 daripada: <https://jurnal.untan.ac.id/index.php/jpdpb/article/view/14563/12955>
- Nurul Hayatul Hikmah Awang Rosli. (2015). "Cita-Cita dan Cinta: Sebuah Perjuangan Merentas Jejambat Dunia Menuju Destinasi Hakiki" dlm. *Bahana*, Bil.6, Jil.50.
- Rene Wellek dan Austin Warren. (1988). *Teori Kesusasteraan*. Terjemahan oleh Wong Seng Tong. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sham Hidie. (2015). "Konflik Dalaman Dalam Novel Remaja Negara Brunei Darussalam" dlm. *Bahana*, Bil.9, Jil.50.
- Sigmund Freud. (1983). *Sekelumit Sejarah Psikoanalisa*. Terjemahan oleh K. Bertens. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Ucha Riani, Mukhlis & Subhayni. (2016). "Analisis Tokohn dan Penokohan dalam Novel Sepahtu Dahlan Karya Khrisna Pabichara." Dlm. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Jurusan PBSI*. Vol.1, No.4. Oktober 2016. Dipetik dari <http://www.jim.unsyiah.ac.id/pbsi/article/view/6930/3079>
- Yudrik Jahja. (2011). *Psikologi Perkembangan*. Jakarta: Prenamedia Group.
- Yusuf Muflikh Raharjo, Herman J. Waluyo & Kundharu Saddhono. (2017). "Kajian Sosiologi Sastra Dan Pendidikan Karakter Dalam Novel Nun Pada Sebuah Cermin Karya Afifah Afra Serta Relevansinya Dengan Materi Ajar Di Sma." dlm. *Jurnal Pendidikan Indonesia*. Vol.6, No.1. April 2017. Dipetik dari <https://ejournal.undiksha.ac.id/index.php/JPI/article/view/8627/>